

01 SEP 2002

Khair-SPR

KHIR:KAKITANGAN SPR HARUS LEBIH PROFESIONAL

TANJUNG KARANG, 1 Sept (Bernama) -- Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) yang merupakan badan bebas, sewajarnya memastikan kakitangan yang dilantik tidak cenderung kepada mana-mana parti politik, kata Menteri Besar Datuk Seri Dr Mohamed Khir Toyo.

"SPR kalau ia ingin menjadi satu badan yang bebas, ia kena memastikan tiada kecenderungan pegawai dan kakitangannya kepada mana-mana parti politik," katanya selepas merasmikan persidangan tahunan 41 cawangan Puteri (Penaja) Umno Bahagian Tanjong Karang di Simpang Lima, di sini hari ini.

Kakitangan dan pegawai SPR perlu profesionalisme dalam menjalankan tugas bagi meningkatkan kewibawaan badan pengurus pilihan raya itu, katanya ketika diminta mengulas kenyataan setiausaha SPR Datuk Wan Ahmad Wan Omar yang mengatakan bahawa SPR tidak menafikan terdapat kakitangan sementara memindahkan nama pemilih tanpa pengetahuan badan itu.

Beliau dilaporkan sebagai berkata bahawa pemindahan pengundi berdaftar di kawasan Parlimen Pendang dan Dewan Undangan Negeri Anak Bukit di Kedah pada Julai lepas daripada senarai sah pendaftar pemilih, berkemungkinan dilakukan segelintir kerani sementara yang dilantik SPR.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa kemenangan PAS pada pilihan raya kecil DUN Anak Bukit dibantu kewujudan pengundi hantu.

Mohamad Khir berkata berdasarkan pengalaman beliau berkempen dalam pilihan raya kecil kawasan DUN Anak Bukit, 800 pengundi dalam senarai daftar pemilih kawasan itu yang disahkan, tidak terdapat dalam senarai akhir.

Beliau mencadangkan supaya SPR mengemaskini daftar pemilih dengan mendapatkan alamat pengundi yang lebih lengkap dan terkini, katanya.

"Alamat pengundi di kampung misalnya kalau boleh jangan menggunakan alamat kampung yang biasa, tapi kalau boleh guna alamat lengkap dengan dicatit nombor-nombor lotnya sekali," katanya.

Beliau berkata berdasarakan alamat lengkap, kedudukan pengundi dapat dipastikan dan boleh dihubungi jika timbul kesulitan.

-- BERNAMA

RIZ LAT